

PM cari jalan penyelesaian

U.M. 13 SEP 1989

SUBANG 12 Sept. — Perdana Menteri berkata, beliau terpaksa mencari jalan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Menteri Besar Selangor ekoran perkahwinannya dengan puteri Sultan Selangor yang telah mencetuskan kemurkaan baginda.

Bagaimanapun, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu, beliau memerlukan masa untuk memikirkan jalan penyelesaian itu.

Beliau yang baru pulang petang ini dari menghadiri Persidangan Negara - Negara Berkecuali di Belgrade enggan menjelaskan apakah jalan keluar kepada masalah tersebut.

Bagaimanapun ada para penyokong Tan Sri Muhammad yang berpendapat bahawa jalan keluar yang paling mudah ialah mengekalkan beliau sebagai Menteri Besar sehingga pilihanraya umum dan memindahkannya ke pusat selepas itu.

Para pemerhati politik pula yakin masalah ini dapat diselesaikan antara Tan Sri Muhammad dengan baginda Sultan jika kedua belah pihak dapat menganggapnya sebagai masalah keluarga sahaja.

Jika ini dapat dilakukan, soal memindah-

kan Tan Sri Muhammad ke pusat tidak timbul lagi.

Dalam satu perkembangan lain, Utusan diberitahu bahawa Tan Sri Muhammad yang kini berada di Singapura telah membatalkan rancangan asalnya untuk pergi ke London di mana isteri kedua dan anak barunya berada.

Sebaliknya, beliau dipercayai akan pulang ke sini untuk merundingkan masalah yang dihadapinya dengan Perdana Menteri.

Datuk Sri Dr. Mahathir memberitahu para wartawan di Lapangan Terbang Subang bahawa Tan Sri Muhammad telah menemui beliau untuk memberitahu tentang perkahwi-

LIHAT MUKA 2

PM cari jalan penyelesaian

nannya itu.

Beliau bagaimanapun tidak menyebut bila dan di mana pertemuan itu berlangsung.

Perdana Menteri memberitahu bahawa Sultan Selangor juga telah berbincang dengan beliau mengenai perkara itu bulan lepas.

Bertitah kepada para wartawan semalam, Sultan menegaskan, baginda akan patuh kepada apa juga keputusan yang diambil oleh Perdana Menteri dalam masalah ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata: "Sebagai pemimpin yang bertanggungjawab, saya akan mencari jalan untuk menyelesaikannya."

Perdana Menteri enggan mengulas bila ditanya pandangannya mengenai apa yang dilakukan oleh Menteri Besar Selangor itu.

Tan Sri Muhammad Haji Mohd. Taib yang

mempunyai empat orang anak hasil perkahwinannya dengan Puan Sri Asbi Rohani Adnan dipercayai menikahi Tengku Puteri Zahariah di Kelantan pada bulan Julai 1987.

Bagaimanapun, mereka merahsiakan perkahwinan itu dan Tan Sri Muhammad telah menafikan desas - desus mengenai perkahwinannya itu termasuk melalui akhbar.

Menurut laporan akhbar hari ini, baginda Sultan Selangor kesal dan sedih kerana Tan Sri Muhammad turut menafikan apabila baginda sendiri bertanyakan tentang perkahwinannya itu.

Kisah perkahwinan Tan Sri Muhammad dengan Tengku Puteri Zahariah menjadi pengetahuan umum apabila Utusan menyiarkannya sejak minggu lalu.